

13/10/1998

Pendatang Rohingya rayu perlindungan

KUALA LUMPUR, Isnin - Pertubuhan Pembebasan Rohingya berharap kerajaan Malaysia mengekalkan taraf perlindungan pelarian politik kepada kira-kira 2,000 rakyat Rohingya di negara ini.

Koordinatornya di Malaysia, Mohamad Sayyed Mohamad Yunus, juga merayu Suruhanjaya Tinggi Bangsa-bangsa Bersatu bagi Pelarian (UNHCR) berbuat sesuatu bagi membolehkan pelarian Rohingya terus berlindung di negara ini hingga keadaan di Myanmar selamat.

Menurutnya, pelarian Rohingya yang berada di negara ini sejak 1990, menghadapi kemungkinan dibunuh sekiranya kerajaan Malaysia menghantar mereka pulang ke Myanmar.

"Kami pasti akan ditahan dan mungkin dibunuh jika kerajaan Malaysia tidak berniat untuk menyambung semula taraf perlindungan pelarian politik yang diberikan selama ini," katanya ketika ditemui di ibu pejabat UNHCR di sini hari ini.

Mohamad melahirkan kebimbangannya berikutan pengumuman kerajaan baru-baru ini yang memberi tempoh dua bulan kepada pendatang tanpa izin untuk pulang ke tanah air masing-masing, berakhir akhir bulan ini.

Ogos lalu, Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, bersetuju mengadakan program pengampunan selama dua bulan bagi membolehkan pendatang asing tanpa izin di negara ini pulang ke negara asal masing-masing.

Terdapat lebih 8,000 pelarian Rohingya di negara ini dan kira-kira 2,000 belum dapat memperbaharui permit untuk terus tinggal di sini dengan mendapat taraf pelarian politik.

Menurut Mohamad, kebanyakan pelarian Rohingya adalah penyokong Liga Kebangsaan bagi Demokrasi (LND) yang dipimpin Aung San Suu Kyi.

Sementara itu, Mohamad menasihatkan masyarakat Malaysia supaya tidak memberi sebarang bentuk derma atau sumbangan kepada mana-mana pihak yang cuba mengutip derma menggunakan nama pelarian Rohingya.

"Kami tidak pernah memungut derma seperti kutipan dari rumah ke rumah di mana-mana tempat di negara ini," katanya.

(END)